

## **Penilaian Kemudahan Pembelajaran, Peruntukan Kewangan dan Kursus dalam Perkhidmatan bagi Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Malaysia**

*Alias Mat Saad*

*alias@polipd.edu.my*

*Jabatan Pengajian Am, Politeknik Port Dickson*

*Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff*

*nrahimi@ukm.my*

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Ruhizan Mohammad Yassin*

*ruhizan@pkrlsc.cc.ukm.my*

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **ABSTRAK**

Tujuan kajian ini adalah untuk menilai kemudahan pembelajaran, peruntukan kewangan dan Kursus-dalam-Perkhidmatan (KDP) bagi kursus Pendidikan Islam di Politeknik Malaysia. Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data. Seramai 126 tenaga pengajar Politeknik yang dipilih secara rawak menjadi responden kajian. Dapatan kajian menunjukkan kemudahan pembelajaran, peruntukan kewangan dan KDP berada pada tahap sederhana. Justeru untuk tidak menjelaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran di Politeknik, pihak pentadbiran perlu memastikan kemudahan pembelajaran seperti ruang kelas, alat bantu mengajar, peruntukan kewangan bagi kursus Pendidikan Islam dipertingkatkan. Di samping itu dicadangkan kepada pihak pentadbiran mereka bentuk kursus dalaman untuk memenuhi tuntutan semasa keperluan peningkatan profesionalisme tenaga pengajar Politeknik.

**Kata kunci:** kemudahan pembelajaran, kursus dalam pekhidmatan, peruntukan kewangan dan Pendidikan Islam

### **ABSTRACTS**

*The purpose of this study was to evaluate the learning facilities, financial allocation, in-service training to support the Islamic Education Courses in Polytechnic of Malaysia. The design of the study was a cross-sectional survey by using questionnaires to collect the research data. The respondents of the study were comprised of Polytechnics lecturers who were selected randomly. The findings showed that learning facilities, financial and in-service training are at the moderate level. Therefore, in order to maintain the quality of teaching and learning, the Polytechnic Administration should ensure learning facilities such as classrooms, teaching aids, financial allocation are in place and should be enhance to support the Islamic Education Courses. In addition to that, the Polytechnic should design their own in-service training to cater the current needs for the Polytechnic lecturers.*

**Keywords:** *learning facilities, in-service training, financial allocation and Islamic Education.*

## PENGENALAN

Menurut Proshansky dan Fabian (1987) kemudahan pembelajaran dan peruntukan kewangan boleh mempengaruhi pembangunan diri seseorang dalam sesebuah organisasi. Di samping itu juga, keberkesanan sesebuah organisasi berhubung rapat dengan kemudahan pembelajaran dan peruntukan kewangan (Grimshaw & Keeffe, 1993)

Bagaimanakah bentuk kemudahan pembelajaran dan peruntukan kewangan yang akan memastikan sesuatu pengajaran itu berlaku dengan baik? Menurut Jeanne (2004) antaranya ialah bilik darjah diurus dengan baik. Bilik darjah hari ini, hendaklah mempunyai kepelbagai fungsi yang menyokong aktiviti pembelajaran yang aktif. Bilik darjah hendaklah fleksibel serta mudah alih untuk keperluan pengunaan yang sentiasa berubah-rubah.

Selain pengurusan kelas pembelajaran yang baik, pengurusan infrastruktur lain seperti seperti perpustakaan, peralatan khusus dan juga kemudahan teknologi maklumat akan membantu pelajar belajar (Chupela, 1994; Feinberg, Kuchner, & Feldman, 1998). Untuk menjamin setiap kemudahan pembelajaran ini berjalan dengan baik, peruntukan kewangan diperlukan untuk menyelenggara kemudahan pembelajaran ini.

Untuk memastikan pendidikan dapat dijayakan dengan sempurna, segala kemudahan pembelajaran ini hendaklah dalam keadaan yang sentiasa bersedia dan mudah diperolehi oleh guru dan pelajar. Para pelajar dan guru yang tidak mempunyai kemudahan ini menjadi satu kekurangan bagi mereka (Tanner & Lackney, 2006). Sebagai institusi yang menggalakkan pembelajaran secara berkumpulan, tempat perjumpaan untuk pelbagai aktiviti pelajar perlu disediakan, sama seperti sektor korporat yang menyediakan bilik persidangan untuk pelbagai aktiviti perbincangan (Grossman, 2000).

## PENGURUSAN KURSUS-DALAM-PERKHIDMATAN

Profesional perguruan merupakan profesion yang dinamik, sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Perubahan ini perlu diurus dengan baik untuk meningkatkan kemahiran semasa yang diperlukan oleh guru. Guru yang tidak mempunyai kemahiran terkini, akan ketinggalan, dan sekaligus ini akan menjaskan pembelajaran pelajar.

Untuk memastikan tahap kemahiran serta pengetahuan tenaga pengajar Politeknik dalam keadaan selari dengan keperluan semasa, mereka perlu menghadiri KDP. Menurut Cooper (2006) guru perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pedagogi mereka dari masa ke semasa melalui KDP. Justeru KDP ini perlu diurus dengan baik agar setiap guru mendapat peningkatan profesionalisme yang sama, tidak hanya kepada guru-guru tertentu sahaja. Objektif utama pengurusan KDP untuk guru ialah:

- (1) Mengemas kini pengetahuan guru dalam sesuatu bidang yang diajar
- (2) Meningkatkan kemahiran mengajar guru.
- (3) Pendedahan kepada inovasi dalam pengajaran seperti penggunaan multi media dan ICT dalam pengajaran.
- (4) Membolehkan guru mengalami perkembangan potensi diri dari segi peribadi dan professional.
- (5) Memperlengkapkan guru dengan pengetahuan dan kemahiran baru dalam bidang pendidikan.

Sebahagian dari kemahiran dan pengetahuan yang khusus untuk meningkatkan profesionalisme guru ialah:

- (1) Memahami perkembangan pelajar dan persekitarannya.
- (2) Memahami perkembangan apa yang berlaku di dalam dan di luar kelas.
- (3) Terdedah sepenuhnya dengan apa yang hendak diajar.
- (4) Mereka mestilah memahami sepenuhnya falsafah pendidikan yang akan membantu mereka berperanan sebagai seorang guru.
- (5) Mereka mestilah mengetahui bagaimana manusia belajar dan membentuk persekitaran yang sesuai untuk pembelajaran.

Menurut Smith (1966) guru yang berketrampilan dan terlatih sepenuhnya, mestilah bersedia untuk melaksanakan dan menjayakan hasil pembelajaran yang dikehendaki dengan melakukan empat perkara berikut:

- (1) Menguasai sepenuhnya teori pengajaran dan pembelajaran serta tingkah laku manusia.
- (2) Mempamerkan sikap mementingkan pembelajaran dan hubungan kemanusiaan yang luhur.
- (3) Menguasai sepenuhnya terhadap apa yang hendak diajar.
- (4) Sentiasa meningkatkan kemahiran mengajar guru, untuk membantu pembelajaran murid.

## **OBJEKTIF DAN TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk menilai kemudahan pembelajaran, peruntukan kewangan dan KDP bagi kursus Pendidikan Islam di Politeknik Malaysia. Secara khusus kajian ini akan menjawab satu persoalan iaitu bagaimana aspek prasarana fizikal dan kewangan serta kursus dalam perkhidmatan bagi tenaga pengajar kursus Pendidikan Islam di Politeknik Malaysia?

## **KAEDAH KAJIAN**

Reka bentuk kajian yang dikenal pasti bersesuaian dengan tujuan kajian ini ialah reka bentuk kajian tinjauan. Oleh itu, kajian ini menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data. Soal selidik ini mempunyai 16 item, iaitu 5 item untuk kemudahan pembelajaran, 6 item untuk pengurusan peruntukan kewangan dan 5 item untuk pengurusan KDP. Seramai 126 tenaga pengajar Politeknik menjadi responden yang telah dipilih secara rawak.

## **ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga aspek iaitu kemudahan pembelajaran, kewangan serta kursus dalam perkhidmatan berada pada tahap sederhana. Dapatan ini ditunjukkan dalam Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3. Tahap sederhana ini walaupun tidak membimbangkan, tetapi boleh menjelaskan pengurusan kursus Pendidikan Islam.

## **KEMUDAHAN PEMBELAJARAN DAN PERUNTUKAN KEWANGAN**

Menurut Beynon (1997) walaupun intipati pendidikan ialah pembelajaran pelajarnya, namun elemen-elemen seperti kemudahan pembelajaran dan sistem pengurusannya perlu membantu proses pembelajaran. Secara umumnya, hubungan antara kemudahan yang selesa dengan pembelajaran adalah perlu untuk memastikan pelajar boleh memberi tumpuan dalam pengajaran

**Jadual 1: Pengurusan Kemudahan Pembelajaran**

Bil	Item	STS				SS	Min
		1	2	3	4		
A1	Pelajar terlalu ramai untuk diajar dalam satu-satu kelas	5.6%	6.3%	30.2%	45.2%	12.7%	3.53
A2	Bilik untuk pengajaran Pendidikan Islam dan amali adalah terhad	5.6%	8.7%	23%	29.4%	33.3%	3.76
A3	Kadang-kadang berlaku pertembungan untuk menggunakan bilik kuliah	19%	23%	20.6%	15.1%	22.2%	2.98
*A4	Bahan Rujukan untuk pengajaran Pendidikan Islam tidak mencukupi	26.2%	25.4%	31%	10.3%	7.1%	2.47
A5	Peralatan untuk melaksanakan pengajaran Pendidikan Islam dan amali mudah untuk diperoleh	12.7%	17.5%	34.9%	26.2%	8.7%	3.01
							Min keseluruhan 3.15

\*Kenyataan negatif

**Jadual 2: Pengurusan Peruntukan Kewangan**

Bil	Item	STS				SS	Min
		1	2	3	4		
B1	Pensyarah diberitahu oleh pihak pengurusan mengenai jumlah peruntukan untuk Pendidikan Islam	16.7%	19%	0.25%	24.6%	14.3%	3.01
B2	Perbelanjaan untuk kegunaan Pendidikan Islam adalah mencukupi	13.5%	20.6%	34.9%	22.2%	8.7%	2.92
*B3	Peruntukan kewangan untuk Pendidikan Islam <b>tidak</b> digunakan untuk urusan lain	24.6%	19.8%	33.3%	19.8%	2.4%	2.56
B4	Pembelian barang-barang untuk Pendidikan Islam dikawal oleh pihak Politeknik	3.2%	13.5%	34.1%	25.4%	23.8%	3.53
B5	Pelajar terpaksa menyediakan wang sendiri untuk menjalankan sesuatu projek	11.1%	17.5%	30.2%	28.6%	12.7%	3.14
B6	Pensyarah diberi kuasa sepenuhnya untuk membeli peralatan tanpa dihalang oleh pihak pengurusan	18.3%	26.2%	34.1%	14.3%	7.1%	2.66
							Min keseluruhan 2.97

\*Kenyataan negatif

**Jadual 3: Pengurusan KDP**

Bil	Item	STS				SS	Min
		1	2	3	4		
C1	Pihak pentadbiran Politeknik mengambil berat mengenai keperluan menghadiri kursus	2.4%	2.4%	17.5%	33.3%	44.4%	4.15
*C2	Kursus yang saya hadiri <b>tidak</b> mencukupi untuk mengajar kesemua topik dalam Pendidikan Islam	19.8%	33.3%	27.8%	10.3%	8.7%	2.55
*C3	Kursus yang ditawarkan <b>tidak</b> mempunyai kaitan dengan bidang tugas pensyarah	15.1%	20.6%	31%	21.4%	11.9%	2.94
C4	Kursus yang berkaitan dengan inovasi dalam pengajaran menjadi keutamaan pihak pentadbiran Politeknik	2.4%	11.1%	39.7%	29.4%	17.5%	3.48
C5	Amalan berkursus minima tujuh hari dalam setahun dilaksanakan oleh pihak pentadbiran Politeknik	0.8%	-	10.3%	27.8%	61.1%	4.48
							Min keseluruhan 3.52

\*Kenyataan negatif

mereka. Oleh itu, kekurangan kemudahan pembelajaran akan menjelaskan proses pembelajaran pelajar.

Dapatan menunjukkan item bahan rujukan untuk Pendidikan Islam tidak mencukupi. Rudzi (2003) mendapati bahan-bahan bercetak seperti buku dan jurnal sangat relevan dan membantu proses pembelajaran dalam bidang pengajian yang diikuti, tetapi bahan-bahan tersebut adalah tidak mencukupi dan terkini. Antara usaha untuk menanganikekangan ini, para pengajar perlu mengambil inisiatif untuk menyelesaikan masalah ini. Tetapi, berdasarkan dapatan kajian peruntukan kewangan pula, didapati tidak mencukupi.

Sekaligus ini menunjukkan kekangan bukan sahaja berlaku pada kemudahan pembelajaran, tetapi ditambah pula dengan kekangan peruntukan kewangan. Kekangan ini semakin bertambah bila peruntukan Pendidikan Islam digunakan untuk tujuan lain. Apa yang dibimbangkan kekangan ini akan memberi kesan kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran pelajar.

Kajian yang dibuat tentang persekitaran bilik darjah menunjukkan susunan fizikal bilik kelas tersebut boleh memberi kesan terhadap tingkah laku guru dan pelajarnya dan susun atur kelas yang baik akan meningkatkan pencapaian akademik pelajar dan tingkah laku mereka. Oleh itu, kemudahan pembelajaran seperti bilik untuk pengajaran dan untuk melaksanakan amali yang mencukupi untuk Pendidikan Islam dilihat boleh mempengaruhi pembelajaran pelajar semasa mereka mengikuti pengajian mereka di Politeknik.

Dapatan kajian menunjukkan konstruk pengurusan peruntukan kewangan berada pada tahap sederhana apabila skor min keseluruhan adalah ( $\text{min}=2.97$ ). Hal ini bermakna, konstruk ini perlu diberi perhatian supaya ia tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Pihak pengurusan institusi pendidikan perlu mengenal pasti keperluan sekolah dan pelajar. Objektif perlu dikenal pasti dan disemak dan kemudiannya diterjemahkan dalam bentuk yang boleh diukur supaya dapat ditafsir oleh semua pihak agar pengurusan peruntukan kewangan dapat diketahui oleh semua pihak. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Roslan (2000), iaitu dalam kajiannya, institusi pendidikan kebanyakannya memaklumkan kepada tenaga pengajar tentang peruntukan kewangan.

Sekaligus, ini menunjukkan apa yang dilaksanakan oleh pihak pentadbiran Politeknik, iaitu memaklumkan jumlah peruntukan untuk Pendidikan Islam merupakan langkah mengikut prosedur untuk memastikan subjek Pendidikan Islam dapat diuruskan dan ditadbir dengan baik demi memastikan pengajaran dan pembelajaran pelajar tidak terganggu. Namun, dari sudut kecukupan peruntukan, dapatan kajian ini selari dengan dapatan yang dibuat oleh Izhar Hisham (1997), iaitu dapatan kajian ini mendapat peruntukan kewangan yang tidak mencukupi. Hal ini menjelaskan perjalanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang untuk para pelajar di Politeknik.

Rentetan dari peruntukan yang tidak mencukupi, dapatan pada item lain menunjukkan pensyarah perlu mengeluarkan kewangan sendiri untuk menampung beberapa aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Sementara itu, dapatan juga mendapati peruntukan kewangan untuk Pendidikan Islam digunakan untuk urusan lain. Menurut Roslan (2000) dalam pembahagian peruntukan kewangan perlu dibuat berdasarkan asas-asas yang munasabah dan tidak diagihkan mengikut tanggapan sendiri. Peruntukan kewangan perlu diagih berdasarkan kepada keutamaan dan perlu diputuskan setelah perbincangan dengan guru-guru atau pihak yang terlibat. Segala

keputusan hendaklah diselaraskan dan dimaklumkan kepada guru-guru mengenai peruntukan yang telah dibuat. Justeru itu, amalan oleh pihak pentadbiran Politkenik menggunakan peruntukan yang telah diberikan untuk Pendidikan Islam dilihat boleh menjelaskan pelaksanaan subjek tersebut dan juga pelajarnya kerana apa yang telah diputuskan bersama tidak dilaksanakan.

Dapatan kajian juga menunjukkan peruntukan kewangan yang tidak mencukupi ini juga menyebabkan pelajar perlu mengeluarkan wang mereka sendiri untuk mengendalikan aktiviti pembelajaran mereka. Hal ini terjadi bukan saja dalam mata pelajaran pendidikan islam, tetapi juga mata pelajaran lain. Juraidah (2005) mendapati pelajar perlu mengeluarkan wang sendiri untuk menjalani aktiviti pembelajaran luar bilik kuliah. Hal ini pada satu keadaan adalah satu fenomena biasa bila pelajar terpaksa menggunakan wang sendiri, tetapi sekiranya pelajar tidak mampu untuk menyediakan wang, maka ini akan menjelaskan pembelajaran mereka. Sekaligus, ini akan menyebabkan prestasi mereka dalam pembelajaran, dan ini tidak sepatutnya berlaku.

### **KURSUS-DALAM-PERKHIDMATAN (KDP)**

Berdasarkan kepada skor min keseluruhan ( $\text{min}=3.52$ ) pengurusan KDP berada pada tahap sederhana. Ini bermakna, sekiranya kontsruk ini tidak diberi perhatian yang sewajarnya, ia akan menjelaskan pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kajian mendapati pihak Politeknik mengambil berat mengenai keperluan berkursus untuk Pensyarah Pendidikan Islam tetapi kursus yang ditawarkan tidak mempunyai kaitan dengan bidang tugas pensyarah. Dapatan juga menunjukkan kursus yang dihadiri tidak mencukupi untuk mengajar kesemua topik dalam Pendidikan Islam dan pihak Politkenik menjadikan kursus inovasi dalam pengajaran sebagai satu keutamaan. Pihak pengurusan Politeknik juga menjadikan amalan berkursus selama tujuh hari sebagai keperluan dalam kalangan kakitangannya.


Selain itu, latihan yang diperlukan oleh kakitangan sewajarnya menepati kehendak bidang tugas mereka. Keadaan ini boleh dibuktikan apabila kajian Nasiriah (2001) mendapati keperluan latihan mengikut bidang perlu diutamakan oleh guru kanan mata pelajaran. Mereka memerlukan latihan dalam bidang pembangunan kurikulum kerana bidang ini merupakan bidang teras kepada kecemerlangan sekolah. Kemahiran dalam bidang ini akan memudahkan mereka berkomunikasi dengan guru-guru lain dan mewujudkan kerjasama bagi memudahkan segala pelaksanaan tugas. Begitu juga keadaannya bagi Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik, keutamaan kursus yang diikuti sewajarnya mengikut bidang keutamaan mereka iaitu yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.

Berkenaan dengan dapatan kajian yang menunjukkan kursus yang dihadiri tidak mencukupi untuk mengajar kesemua topik dalam Pendidikan Islam, kajian Nor Akmar (2006) mendapati sikap sentiasa ingin menambah ilmu pengetahuan merupakan salah satu daripada ciri-ciri guru berkesan. Kesediaan guru-guru menghadiri KDP adalah antara keperluan yang harus dipenuhi guru bagi mencapai matlamat mereka menjadi guru berkesan. Dengan menghadiri KDP, mereka dapat memperkembangkan ilmu pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang pendidikan. Menurut Mohd. Lazim dan Zurida (1994) guru perlu mengikuti kursus ikhtisas supaya dapat meningkatkan kemahiran dan mengemaskini pengetahuan selaras dengan keperluan semasa. Justeru itu, dengan adanya usaha untuk meningkatkan diri, akan memastikan pensyarah Pendidikan Islam Politkenik sentiasa bersedia untuk melaksanakan tugas mereka.

Faridah (2002) menjelaskan perkembangan guru berlaku dengan beberapa cara dan salah satunya berkaitan dengan perkembangan diri guru. Guru perlu belajar mengamalkan konsep belajar

seumur hidup. Amalan ini akan memperluaskan pengalaman, pengetahuan dan pandangan guru terhadap pelbagai bidang. Ia juga akan menajamkan kecekapan guru dan seterusnya menjadikan mereka lebih kreatif dan inovatif dalam amalan pengajarannya. Sekaligus, bagi pensyarah Pendidikan Islam di Politkenik sekiranya mereka menjadikan pembelajaran seumur hidup sebagai satu cabaran, maka peningkatan prestasi mereka akan berlaku.

Model Pembinaan Pendidikan Profesional Guru oleh McGettrick (2002) menjelaskan terdapat tiga kategori utama dalam pendidikan profesional guru iaitu nilai-nilai profesional dan komitmen peribadi, ilmu pengetahuan profesional dan kefahaman terhadap ilmu pengetahuan serta kemahiran profesional dan keupayaan untuk melaksanakan kemahiran tersebut. Ilustrasi model ini seperti yang terdapat dalam Rajah 1. Ketiga-tiga kategori ini diletakkan dalam segitiga kerana ianya mempunyai hubungan secara langsung antara satu sama lain dalam pembangunan guru. Setiap kategori mempunyai kaitan yang rapat dengan kategori yang lain dan saling berhubungan antara satu sama lain.




Rajah 1: Model Pembinaan Pendidikan Profesional Guru oleh Mc.Gettrick(2002: 8)

Berdasarkan kepada model ini, menunjukkan guru perlu mempunyai nilai dan ciri-ciri profesional dalam kerjaya mereka sebagai asas untuk mereka berjaya dalam menyampaikan ilmu kepada para pelajar. Seperti mana yang dinyatakan oleh Lewis (2007) pengetahuan guru dalam bidang atau lapangannya telah dilihat sebagai sesuatu yang penting dan menjadi motivasi kepada para pelajar untuk mengikuti pembelajaran mereka. Justeru itu, untuk item ketidakcukupan kursus yang disediakan untuk mengajar Pendidikan Islam oleh pihak pentadbiran Politeknik boleh diatasi dengan pensyarah Pendidikan Islam sendiri mengambil inisiatif meningkatkan tahap kemahiran mereka dengan melaksanakan amalan belajar seumur hidup.

Selain itu, dasar latihan sumber manusia sektor awam juga telah menetapkan bahawa setiap anggota perkhidmatan awam perlu melengkapkan diri atau dilengkapkan dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan. Setiap anggota sekurang-kurangnya perlu mengikuti tujuh hari kursus atau latihan dalam setahun. Oleh itu, menghadiri kursus sekurang-kurang tujuh hari dalam setahun dilihat mempunyai impak yang besar kepada peningkatan profesionalisme pensyarah Pendidikan Islam Politeknik.

Seterusnya dapatan kajian mendapati pihak pentadbiran Politeknik menjadikan kursus inovasi dalam pengajaran sebagai satu keutamaan. Menurut Sufean (2002) inovasi bermaksud pembaharuan, modifikasi atau memperbaiki idea, benda, ilmu dan ciptaan seni budaya tamadun dengan tujuan memenuhi fungsi-fungsi tertentu atau memenuhi cita rasa tertentu atau memenuhi tuntutan pasaran tertentu. Dapatan ini selaras dengan apa yang dinyatakan oleh Juriah (1998) bahawa kaedah



Rajah 2. Kon Perancangan Pembangunan oleh Hargreaves dan Hopkins (2003: 11)

pendidikan perlu berubah dengan keperluan semasa. Aktiviti pembelajaran perlu ke arah membina iklim pembelajaran yang selesa selain mengurangkan ketegangan emosi pelajar. Para pendidik perlu mencipta pembaharuan pada amalan dan prosedur yang digunakan dalam pengajaran. Setiap mata pelajaran memerlukan ubahsuai dalam usaha memudahkan pelajar menguasainya.

Abd. Rahim (2002) menjelaskan guru yang profesional dan pakar dapat mempelbagaikan kaedah dan pendekatan pengajarannya. Mereka dapat memperkenalkan pelbagai inovasi sama ada dari segi aktiviti pembelajaran, perkembangan fikiran, pembinaan minat dan pengembangan kebolehan pelajar. Salah satu kelemahan dari segi kualiti pengajaran ialah kurang daya kreativiti bagi menggunakan berbagai-bagai jenis kaedah dan strategi pengajaran yang berkesan Sekaligus, ini membuktikan bahawa tindakan pihak pentadbiran Politeknik memberi penekanan kepada kursus yang berbentuk inovasi dalam pengajaran adalah sesuatu yang tepat untuk peningkatan mutu pengajaran pensyarah Pendidikan Islam Politkenik.

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini dari aspek kemudahan pembelajaran, peruntukan kewangan dan KDP menunjukkan bahawa merancang pembangunan sesebuah organisasi perlu dibuat dengan tersusun dan terancang supaya matlamat utama sesebuah organisasi dapat dicapai

Menurut Hargreaves dan Hopkins (2003) perancangan pembangunan dibuat untuk membolehkan sesebuah sekolah atau institusi itu menyusun organisasi mereka dengan lebih berkesan dan berjaya. Sesuatu perancangan itu perlu selari dengan matlamat sesebuah sekolah atau institusi pendidikan untuk menjamin pencapaian pelajarnya seperti mana yang diilustrasi dalam Rajah 2. Rajah ini menunjukkan bahawa pencapaian pelajar menjadi sesuatu yang utama. Untuk memastikan matlamat ini tercapai, perancangan yang rapi perlu dibuat dengan mengambil kira beberapa aspek seperti kurikulum, staf, pembangunan staf, peruntukan kewangan, kemudahan pembelajaran, urusan harian sesebuah organisasi dan sebagainya. Pandangan ini diperkuatkan lagi oleh kenyataan Miles dan Frank (2008) untuk menghasilkan atau membangunkan pelajar yang berjaya bergantung kepada guru dan sekolah yang baik. Justeru itu pelaburan yang dibuat untuk mengembangkan kemahiran dan kualiti guru serta kemudahan pembelajaran sekolah adalah sesuatu yang wajar dilakukan.

## RUMUSAN DAN CADANGAN


Kajian menunjukkan aspek kemudahan pembelajaran, peruntukan kewangan serta KDP berada pada tahap sederhana. Keadaan ini menunjukkan aspek ini perlu diberi perhatian oleh pihak pentadbiran Politeknik. Aspek kemudahan pembelajaran seperti ruang kelas untuk belajar, bahan-bahan resos serta peralatan untuk membantu pengajaran mempunyai implikasi kepada pengajaran dan pembelajaran seperti mana kajian yang dibuat oleh Syed Kamaruddin (2007); Noor Shah (1992) dan Fowzia (1990) menunjukkan keperluan kepada aspek ini dalam pengajaran dan pembelajaran.

Oleh itu, kajian ini mencadangkan pihak pengurusan Politeknik perlu meneliti keperluan kemudahan pembelajaran ini kepada pelajar untuk memastikan pengalaman pembelajaran yang diterima di Politeknik boleh memberi makna kepada mereka. Menurut Beynon (1997) elemen seperti guru, buku teks, kemudahan fizikal, dan sistem pentadbiran sememangnya membantu untuk memperkembangkan dan mempercepatkan proses pembelajaran.

Dapatan juga menunjukkan aspek peruntukan kewangan untuk melaksanakan mata pelajaran Pendidikan Islam di Politeknik juga berada pada tahap sederhana. Keadaan ini menunjukkan

pihak pengurusan Politeknik perlu membuat penelitian tentang peruntukan kewangan yang perlu dibelanjakan untuk melaksanakan mata pelajaran Pendidikan Islam di Politeknik. Kenyataan seperti bajet tidak mencukupi sentiasa kedengaran oleh pihak pengurusan apabila mengalami masalah dalam melaksanakan sesuatu program. Implikasi kepada kenyataan seperti ini, menurut Izhar Hashim (1997) merupakan halangan bagi perlaksanaan sesuatu program.

Oleh itu, kajian ini mencadangkan kepada pihak pengurusan Politeknik atau Bahagian Penilaian dan Pembangunan Kurikulum JPP supaya membuat analisis kos sebelum melaksanakan sesuatu program atau kurikulum untuk pelajar mereka. Menurut Pratt (1980) perkara pertama dan kerap ditanya sebelum membuat sesuatu usulan ialah tentang kos dan semua aspek-aspek untuk pelaksanaan kurikulum melibatkan implikasi kos. Penyelidik juga mencadangkan penggunaan model perancangan lojistik kurikulum oleh Pratt (1980) seperti dalam rajah 3, sebagai asas untuk mencari jumlah kos keseluruhan untuk melaksanakan sesuatu kurikulum atau mata pelajaran. Pada pandangan penyelidik sekiranya perancangan yang rapi dibuat oleh pihak pengurusan Politeknik maka masalah yang dihadapi akan dapat dikurangkan.



Rajah 3. Perancangan Lojistik Kurikulum Oleh Pratt (1980).Hlm:110.

Seterusnya dapatan bagi aspek KDP juga menunjukkan tahap yang sederhana. Kajian mendapati pihak pengurusan Politeknik menawarkan kursus yang tidak berkaitan dengan bidang tugas pensyarah Pendidikan Islam dan juga kursus-kursus yang diikuti tidak mencukupi untuk mengajar kesemua topik dalam Pendidikan Islam. Implikasi kepada dapatan kajian ini kegagalan meningkatkan tahap kemahiran pensyarah akan menyebabkan proses perkembangan profesionalisme akan terhalang. Menurut Faridah (2002) dan Juriah (1998) amalan memperluaskan pengalaman guru akan menajamkan kecekapan guru serta guru perlu mencipta pembaharuan pada amalan dan prosedur yang digunakan dalam pengajaran mereka.

Oleh itu, kajian ini mencadangkan kepada pihak pengurusan Politeknik, merekabentuk KDP yang sesuai dengan keperluan pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Menurut Pratt (1980) secantik mana sekalipun kurikulum yang digubal, gurulah yang akan menentukan sama ada kurikulum tersebut boleh dilaksanakan atau tidak. Memberi latihan atau melatih semula merupakan penyelesaian yang perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah ketidakcekapan guru dalam pengajaran mereka. Stenhouse dalam Pratt (1980) juga menyatakan perkara yang serupa, iaitu tanpa pembangunan guru, pembangunan kurikulum tidak akan memberi sebarang makna.

## RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd. Rashid. 2002. Dasar inovasi pendidikan dalam konteks agenda wawasan 2020. Pyt: Sufean Hussin. *Inovasi dasar pendidikan perspektif sistem dan organisasi*. K.Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. hlm 19-47.
- Beynon, J. 1997. *Physical facilities for education: what planers need to know*. UNESCO: International institute for educational planning. pp 18.
- Chupela, D. . 1994. *Ready, set, go! Children's Programming for bookmobiles and other small spaces*: Atkinson WI, Alleyside Pres.
- Cooper, J.M .2006. *Classroom Teaching Skills*. New York: Houghton Mifflin Company.
- Faridah Karim. 2002. Halangan terhadap perkembangan profesion perguruan. Siri penerbitan Fakulti Pendidikan, UKM Bangi. Prosiding seminar kebangsaan profesion peguruan 2002. *Profesion perguruan: Cabaran pendidikan masa kini*. Hlm 50-56.
- Fowzia Osman. 1990. Penilaian program peralihan kemahiran hidup (pilihan B) tingkatan satu di Wilayah Persekutuan. Tesis sarjana pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Grimshaw, R. and Keeffe, G, ed. 1993. *Facilities management: the potential for research*. Edited by P. Barrett, *Facilities Management: Research Directions*: RICS Books.
- Grossman, R. 2000. Building With Purpose, American Scholl and University. *ProQuest Educational Journals* 72, 5, :pg 26-27.
- Hargreaves, D.H. & Hopkins, D. 2003. *The empowerd school*. London: Cromwell Press.
- Izhar Hisham Yahya. 1997. Keperluan program pembangunan tenaga pendidik di Politeknik Ungku Omar. Tesis sarjana pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Jeanne, L.N. 2004. Transforming The Physical Environment For Learning. *ProQuest Educational Journals* 36, 5:pg- 62-63.
- Juraidah Mat Jalani. 2005. Penilaian rancangan latihan mengajar (RKM) program pendidikan guru Universiti Utara Malaysia. Tesis sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Juriah Long. 1998. Inovasi dalam perkaedahan pengajaran bahasa, sains sosial dan teknologi maklumat. Pyt: Juriah Long. *Pengajaran Bahasa Melayu secara interaktif*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. hlm 15-36.
- Lewis, A. 2007. Prospective teachers of secondary school learners. Learning to teach-Teaching to learn? *Australian Journal of Teacher Education*. Vol 32 No.3 pp 1-9.
- McGettrick, B.J. 2002. Professional values and student learning models of initial teacher education for the future. *Conference on PGCE programming*. University of Nottingham. pp 1-9.
- Miles, K.H & Frank, S. 2008. *The Strategic school*. USA: Corwin Press.
- Mohd. Lazim Hamid & Zurida Ismail. 1994. Guru dan perkembangan ikhtisas. *Wawasan USM* 2: hlm 29-38.
- Nasiriah Md. Yusuff. 2001. Latihan dalam perkhidmatan: Bidang keperluan di kalangan guru kanan mata pelajaran. Tesis sarjana pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Noor Shah Saad. 1992. Pendidikan guru matematik sekolah rendah: Perspsi guru lepasan dan pensyarah Maktab Perguruan dan Guru Besar. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Nor Akmar Hj. Jais.2006. Ciri-ciri guru berkesan dan faktor motivasi dari persepsi pentadbir sekolah dan guru. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Pratt, D. 1980. *Curriculum design and development*. New York: Harcourt Brace Jovanovich Inc.
- Proshansky, H.M & Fabian A.B ed. 1987. *The Development of Place Identity in the Child in Spaces for Children*. Edited by C. S. a. D. Weinstein, T.G. New York: Plenum Press.

- Roslan Kamarudin. 2000. Persepsi guru-guru kanan terhadap pengetua di dalam pengurusan kewangan sekolah. Tesis sarjana pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Rudzi Munap. 2003. Penilaian Program Diploma Kesetiausahaan Eksekutif di Universiti Teknologi Mara. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Smith, B.O. 1966. Teacher for the real world, *American Association of Colleges for Teacher education*, pp 122.
- Sufean Hussin. 2002. Inovasi ke arah pembangunan pendidikan dinamik. Pyt: Sufean Hussin. *Inovasi dasar pendidikan perspektif sistem dan organisasi*. K.Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. hlm 1-17.
- Syed Kamarudin Hj. Sudakhuthulla. 2007. Analisis kemudahan pengajaran dan pembelajaran dan pembelanjaan kos pengajian tinggi serta implikasi terhadap pencapaian akademik pelajar UKM. Tesis sarjana. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Tanner, C.K dan Lackney, J.A 2006. *Educational Facilities Planning, Leadership, Architecture, and Management*. New York: Pearson Education, Inc.

#### **BIODATA PENULIS.**

Alias Bin Mat Saad (PhD) merupakan seorang Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Port Dickson. Pengkhususan dalam bidang Pendidikan Islam dan Pembangunan Kurikulum. Bidang lain yang menjadi minat untuk menjalankan kajian ialah Tamadun Islam serta lain-lain bidang pendidikan.

Nik Rahimi Nik Yusoff (PhD) merupakan seorang Profesor Madya di Jabatan Perkaedahan dan Amalan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau dalam bidang Bahasa Arab dan Pendidikan Islam

Ruhizan Mohammad Yassin (PhD) merupakan seorang Profesor Madya di Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau adalah dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVET).